

22 FEB 1999

MAHATHIR-KAWALAN

M'SIA BOLEH MUFLIS TANPA KAWALAN MODAL, KATA DR M

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 22 Feb (Bernama) -- Malaysia mungkin akan jatuh bangkrap jika ia menunggu Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) untuk mengawal dagangan matawang yang telah melemahkan ekonomi negara-negara Asia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam satu wawancara.

Gesaan Malaysia kepada institusi antarabangsa untuk membendung dagangan matawang tidak diendahkan dan negara itu terpaksa menangani sendiri masalah itu dengan mengambil inisiatif mengenakan kawalan modal dan matawang untuk menghalang ekonomi daripada terus jatuh menjunam, katanya.

Dr Mahathir berkata demikian dalam satu temubual dengan majalah mingguan baru, Executive Intelligence Review (EIR), yang dikeluarkan di sini, Jumaat lepas.

"Walaupun kami tidak meminta sebarang bantuan pinjaman daripada IMF, badan dunia itu sering datang ke sini dan memberi nasihat apa yang harus kami lakukan... untuk mengekang pedagang matawang kami mesti meningkatkan kadar faedah. Kami mesti membuat sekatan kredit... kami harus memaksa syarikat-syarikat jatuh bangkrap dengan memendekkan tempoh bagi pinjaman tidak berbayar," katanya.

"...IMF mempunyai banyak pengaruh terhadap bekas menteri kewangan (Datuk Seri Anwar Ibrahim) dan Bank Pusat, mereka mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh IMF; akibatnya, ekonomi jatuh merudum. Syarikat-syarikat dan bank-bank jatuh bangkrap," katanya kepada EIR dalam temubual yang dibuat di Kuala Lumpur, bulan lalu.

Dr Mahathir bukanlah mahu mengkritik Bank Dunia tetapi kecewa kerana bank tersebut mengaitkan pinjamannya dengan "keadaan dalaman yang berlaku di Malaysia, dan mereka melakukannya di atas asas persahabatan mereka dengan pihak tertentu dan bukan di atas asas apa yang betul dan apa yang silap.

Presiden Bank Dunia, James Wolfensohn, telah melahirkan simpatinya secara terbuka terhadap nasib yang menimpa rakannya, Anwar Ibrahim.

Dr Mahathir berkata Malaysia tidak menentang Amerika Syarikat (AS) sebagai sebuah negara, tetapi merasakan kerajaan AS dan media negara itu mempunyai pandangan yang serong terhadap Asia Timur dan aspirasinya.

"Saya merasakan AS tidak pernah faham tentang masalah Asia Timur. Itulah sebabnya mengapa anda sering mendengar kenyataan yang bercanggah antara satu sama lain yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin AS... contohnya kalau Presiden Bill Clinton menyatakan satu perkara... Naib Presiden Al Gore akan menyatakan perkara yang lain.

Beliau menyatakan AS adalah peserta utama dalam mengawal selia dagangan matawang kerana ia beroperasi di luar Amerika Syarikat.

Sebahagian besar pinjaman yang diberikan kepada dana lindung nilai datang daripada bank-bank AS dan jumlahnya adalah besar -- 20 kali, malahan sampai 200 kali ganda.

Dr Mahathir tidak berharap negara-negara G-7, yang akan bertemu pada Jun ini, akan mampu mencari penyelesaian terhadap masalah pergolakan ekonomi dunia kerana kedua-dua pihak melihat masalah yang sama daripada sudut yang berbeza.

"Apa yang berlaku kepada negara-negara kaya adalah instrumen yang mereka guna untuk menyerang kita berdepan dengan masalah, LTCM (dana lindung nilai Pengurusan Modal Jangka Panjang) turut menghadapi masalah, dan mereka mengalami kerugian. Dan mereka hanya berminat untuk menyekat kerugian mereka. Manakala kami pula hanya berminat untuk melindungi diri

kami sendiri daripada hasil yang telah mereka lakukan." -- BERNAMA
SH ZK OS